

PM ucap terima kasih pada pasukan keselamatan di Sarawak

UAG 29 SEP 2011
KUALA LUMPUR 28 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan termasuk anggota tentera yang bertugas di Sarawak kerana memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya negeri itu, semalam.

Perdana Menteri berkata, sokongan itu membolehkan BN menjayakan agenda pembangunan ke arah menjadikan Malaysia antara negara termaju di kalangan negara membangun.

“Sokongan itu juga dapat meneruskan keamanan negara dan Insya-Allah apabila negara maju rakyat akan terus dapat nikmat.

“Dan mungkin juga gaji boleh dinaikkan,” katanya semasa melancarkan buku Pasukan Malaysia (Malbatt) dan Kontinjen Malaysia (Malcon) di Bosnia-Herzegovina: Imbasan Kembali di Kementerian Pertahanan hari ini.

Dalam pilihan raya semalam, BN Sarawak terus mendapat mandat menubuhkan kerajaan negeri selepas memperoleh kemenangan besar pada pilihan raya negeri kelapan itu.

Pembangunan

BN memenangi 60 daripada 62 kerusi yang dipertandingkan berbanding 58 kerusi pada pilihan raya sebelumnya iaitu kejayaan terbaik yang pernah dicatatkan walaupun parti-parti pembangkang dari Semenanjung khususnya Parti Keadilan Nasional menggunakan kempen secara agresif.

Dr. Mahathir berkata, banyak orang asing termasuk daripada kalangan masyarakat Barat sendiri beranggapan Malaysia telah mencapai status negara maju berdasarkan pembangunan yang dicapai.

Selain itu, tegasnya, faktor kestabilan dan keselamatan negara yang sentiasa terjamin menyebabkan rakyat Malaysia dapat menikmati kehidupan tanpa rasa takut.

“Sebabnya kerana kita mendapat pasukan keselamatan yang profesional tetapi sedar akan tanggungjawab memastikan negara terus aman,” tegasnya.

Turut hadir di majlis pelancaran buku itu adalah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, timbalannya, Datuk Shafie Apdal, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohd. Zahidi Zainuddin, Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Md. Hashim Hussein, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamal dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Suleiman Mahmud.